

23 JUN 2001

Mahathir-Rombakan

PELANTIKAN MENTERI KEWANGAN MUNGKIN TIDAK PERLUKAN ROMBAKAN KABINET

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan menteri kewangan yang baru mungkin tidak memerlukan rombakan kabinet kerana beliau boleh memilih seseorang yang bukan menteri.

Walaupun bersetuju bahawa jawatan itu penting, Perdana Menteri berkata: "saya boleh melantik sesiapa sahaja. Ia tidak semestinya seorang menteri lain untuk mengisi jawatan itu."

Dr Mahathir menjawab soalan mengenai sama ada pelantikan menteri kewangan yang baru akan menjurus kepada perubahan dalam kerajaan, pada sidang media pada hari terakhir Persidangan Agung Umno di sini.

Ditanya sekali lagi mengenai peletakkan jawatan oleh Tun Daim Zainuddin sebagai menteri kewangan, Dr Mahathir berkata ini bukanlah kali pertama Daim meninggalkan kerajaan.

Katanya penjelasan mengenai Daim mudah sahaja dan tidak ada apa yang misteri mengenainya serta tiada ada perselisihan atau pertikaian yang timbul.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada wujud dilema Umno selepas beliau bercakap mengenai kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu semasa membuat ucapan penggulungan sebelum itu.

Katanya memang ada dilema dan pada masa yang sama ada pihak tertentu yang tidak mahu menerima hakikat mengenai kejayaan Umno dan tidak mahu melihat orang Melayu berjaya.

Mereka yang berjaya, katanya kerap dicap sebagai kroni kerajaan walaupun mereka berjaya atas usaha sendiri.

Memetik petikan kartun dalam akhbar harian mengenai empat rakyat Malaysia, kesemuanya bukan Melayu, yang merupakan antara orang paling kaya di dunia, Dr Mahathir berkata tidak akan ada, malah pada masa depan selagi wujud perasaan irihati di kalangan orang Melayu.

-- Bernama

SHO AZZ LAT